

24 JAN 1999

Samy-Tol

KADAR TOL DIKAJI SEMULA JIKA DIARAH KABINET

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Kadar tol di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) akan dikaji semula jika diarahkan oleh Kabinet, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu disini hari ini.

"Jika Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri mengarahkan kadar tol diturunkan sebanyak 50 peratus, maka potongan 50 peratus akan dibuat tetapi ramai pengguna meminta supaya kadar 50 sen sahaja dikenakan," katanya selepas merasmikan projek kem kesihatan untuk wanita di sini hari ini.

"Mana boleh dicaj 50 sen sahaja, siapa yang akan membayar gantirugi... kalau RM1.50 dikurangkan menjadi 50 sen, RM1 lagi mesti ditanggung oleh kerajaan."

Samy Vellu diminta mengulas bantahan pelbagai pihak mengenai kadar tol RM1.50 bagi setiap satu daripada empat plaza tol di lebuhraya sepanjang 40 km itu yang akan dibuka dengan rasmi oleh beliau esok.

Beliau berkata semua rayuan mengenai tol termasuk kenaikan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Ekspres Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Shah Alam-Klang dan Lebuhraya Kulim-Butterworth akan dibentangkan kepada Kabinet dalam masa dua minggu lagi.

Pelbagai pihak termasuk parti politik, persatuan pengguna, kesatuan sekerja dan pertubuhan belia membantah kenaikan kadar tol di empat lebuhraya itu yang dijadualkan selepas sambutan Tahun Baru Cina bulan depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menjelaskan kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol di keempat-empat lebuhraya itu bagi mengelakkan pembayaran pampasan 100 peratus kepada syarikat konsesi mengikut perjanjian konsesi.

Kenaikan yang dicadangkan itu akan membabitkan pengguna lebuhraya membayar 40 peratus daripada kenaikan manakala bakinya akan ditanggung oleh kerajaan. Kerajaan membayar pampasan berjumlah kira-kira RM200 juta kepada syarikat konsesi lebuhraya tahun lepas kerana permintaan mereka untuk kenaikan kadar tol ditolak.

Ditanya sama ada kerajaan akan menimbang untuk memanjangkan tempoh konsesi bagi mengurangkan kadar tol lebuhraya sekarang, Samy Vellu berkata ia tidak boleh dilakukan kerana perjanjian yang telah ditandatangani perlu dipatuhi.

"Kalau kita kaji semula untuk memanjangkan perjanjian itu, dengan serta merta bank akan menarik balik perjanjiannya (pinjaman dengan syarikat konsesi) dan meminta pembayaran balik," katanya.

Samy Vellu menjelaskan perbincangan mengenai projek lebuhraya dan kadar tol bukan dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya tetapi oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

"Ada satu jawatankuasa yang menilai projek serta pelaburan oleh kontraktor, keuntungan yang mereka boleh dapati, pinjaman yang mereka dapati daripada bank dan kadar faedah untuk pembayaran balik, semuanya diambil kira sebelum ditetapkan kadar tol mana-mana projek," katanya.

Beliau juga telah mengarahkan supaya dihentikan pembinaan jalan alternatif di Bandar Sri Damansara baru-baru ini setelah mendapat bantahan daripada sekumpulan penduduk di situ tetapi kini ada pihak pula yang mahu jalan alternatif itu disediakan.

Bagi kemudahan penduduk, lima jejantas lagi akan dibina oleh syarikat konsesi di lebuhraya itu sebagai tambahan kepada lima jejantas yang telah

disediakan.

-- BERNAMA

AFY DSR THG